Federation of Malysia

☞ EDICT OF GOVERNMENT ☜

MS 2200-2 (2012) (Malaysian): Barang Gunaan Islam - Bahagian 2: Penggunaan Tulang, Kulit dan Bulu Haiwan - Garis Panduan Umum



BLANK PAGE







MALAYSIAN STANDARD

MS 2200-2:2012 (BM)

Barang gunaan Islam - Bahagian 2: Penggunaan tulang, kulit dan bulu haiwan - Garis panduan umum

ICS: 59.140.99; 67.120.10

Perihal: barang gunaan islam, penggunaan tulang, penggunaan kulit, penggunaan bulu, garis panduan

DEPARTMENT OF STANDARDS MALAYSIA

DEVELOPMENT OF MALAYSIAN STANDARDS

The **Department of Standards Malaysia (STANDARDS MALAYSIA)** is the national standards and accreditation body of Malaysia.

The main function of STANDARDS MALAYSIA is to foster and promote standards, standardisation and accreditation as a means of advancing the national economy, promoting industrial efficiency and development, benefiting the health and safety of the public, protecting the consumers, facilitating domestic and international trade and furthering international cooperation in relation to standards and standardisation.

Malaysian Standards (MS) are developed through consensus by committees which comprise balanced representation of producers, users, consumers and others with relevant interests, as may be appropriate to the subject at hand. To the greatest extent possible, Malaysian Standards are aligned to or are adoption of international standards. Approval of a standard as a Malaysian Standard is governed by the Standards of Malaysia Act 1996 [Act 549]. Malaysian Standards are reviewed periodically. The use of Malaysian Standards is voluntary except in so far as they are made mandatory by regulatory authorities by means of regulations, local by-laws or any other similar ways.

For the purposes of Malaysian Standards, the folowing definitions apply:

Revision: A process where existing Malaysian Standard is reviewed and updated which resulted in the publication of a new edition of the Malaysian Standard.

Confirmed MS: A Malaysian Standard that has been reviewed by the responsible committee and confirmed that its contents are current.

Amendment: A process where a provision(s) of existing Malaysian Standard is altered. The changes are indicated in an amendment page which is incorporated into the existing Malaysian Standard. Amendments can be of technical and/or editorial nature.

Technical corrigendum: A corrected reprint of the current edition which is issued to correct either a technical error or ambiguity in a Malaysian Standard inadvertently introduced either in drafting or in printing and which could lead to incorrect or unsafe application of the publication.

NOTE: Technical corrigenda are not to correct errors which can be assumed to have no consequences in the application of the MS, for example minor printing errors.

STANDARDS MALAYSIA has appointed **SIRIM Berhad** as the agent to develop, distribute and sell Malaysian Standards.

For further information on Malaysian Standards, please contact:

Department of Standards Malaysia
Ministry of Science, Technology and Innovation
Level 1 & 2, Block 2300, Century Square
Jalan Usahawan
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

Tel: 60 3 8318 0002
Fax: 60 3 8319 3131
http://www.standardsmalaysia.gov.my
E-mail: central@standardsmalaysia.gov.my

OR

SIRIM Berhad
(Company No. 367474 - V)
1, Persiaran Dato' Menteri
Section 2, P. O. Box 7035
40700 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

Tel: 60 3 5544 6000
Fax: 60 3 5510 8095
http://www.sirim.my
E-mail: msonline@sirim.my

KANDUNGAN

Perwakilan jawatankuasa

Jawatankuasa Standard Perindustrian mengenai Standard Halal (ISC I) yang di bawah kuasanya *Malaysian Standard* ini dibangunankan, dianggotai oleh wakil daripada organisasi yang berikut:

Halal Industry Development Corporation Sdn Bhd
Institut Kefahaman Islam Malaysia
Institut Kualiti Malaysia
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Standard Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan)
Kementerian Kesihatan Malaysia (Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan)
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
Persatuan Pengguna Islam Malaysia
Persatuan Pengguna-pengguna Standard Malaysia
Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia
SIRIM Berhad (Sekretariat)
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Ahli ambilan:

Yayasan Ilmuwan

Jawatankuasa Teknikal mengenai Makanan Halal dan Barang Gunaan Islam yang menyelia pembangunan *Malaysian Standard* ini dianggotai oleh wakil daripada organisasi yang berikut:

Halal Industry Development Corporation Sdn Bhd

Institut Kefahaman Islam Malaysia

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Bahagian Halal Hab)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Bahagian Penyelidikan)

Jabatan Perikanan Malaysia

Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Jabatan Pertanian Malaysia

Kastam Diraja Malaysia

Kementerian Kesihatan Malaysia

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

Persatuan Pengguna Islam Malaysia

Persatuan Pengguna-pengguna Standard Malaysia

Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia

SIRIM Berhad (Sekretariat)

SIRIM QAS International Sdn Bhd (Seksyen Kimia dan Pengguna)

Universiti Kebangsaan Malaysia

Universiti Putra Malaysia

Universiti Teknologi MARA

Perwakilan jawatankuasa (*sambungan*)

Kumpulan Kerja mengenai Produk Konsumer Halal berasaskan Tulang, Kulit dan Bulu Haiwan yang membangunkan *Malaysian Standard* ini dianggotai oleh wakil daripada organisasi yang berikut:

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Jabatan Perikanan Malaysia

Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

SIRIM Berhad (Pusat Penyelidikan Bahan Termaju)

SIRIM Berhad (Sekretariat)

Universiti Putra Malaysia

Universiti Teknologi MARA

Ahli ambilan:

Cosmopal Sdn Bhd

PRAKATA

Malaysian Standard ini dibangunkan oleh Kumpulan Kerja mengenai Produk Konsumer Halal berasaskan Tulang, Kulit dan Bulu Haiwan di bawah Jawatankuasa Standard Perindustrian mengenai Standard Halal.

MS 2200 mengandungi bahagian berikut di bawah tajuk umum, *Barang gunaan Islam:*

Bahagian 1: Kosmetik dan dandanan diri - Garis panduan umum

Bahagian 2: Penggunaan tulang, kulit dan bulu haiwan - Garis panduan umum

Pematuhan *Malaysian Standard* tidak dengan sendirinya memberikan kekebalan daripada obligasi undang-undang.

Barang gunaan Islam - Bahagian 2: Penggunaan tulang, kulit dan bulu haiwan - Garis panduan umum

1 Skop

Malaysian Standard ini mengandungi garis panduan yang praktikal bagi penggunaan tulang, kulit dan bulu haiwan di dalam industri yang berkaitan selaras dengan hukum Syarak.

2 Rujukan normatif

Rujukan normatif berikut amat penting dan diperlukan untuk penggunaan standard ini. Bagi rujukan bertarikh, hanya edisi yang disebutkan akan diguna pakai. Bagi rujukan tidak bertarikh, edisi terkini rujukan normatif (termasuk apa-apa pindaan) diguna pakai.

MS 1500, *Makanan halal - Pengeluaran, penyediaan, pengendalian dan penyimpanan - Garis panduan umum*

3 Definisi

Bagi tujuan standard ini, definisi yang berikut diguna pakai.

3.1 barang gunaan

Barangan yang boleh dimanfaatkan seperti pakaian, perhiasan dan alat permainan. Produk makanan, kosmetik dan penggunaan untuk tujuan perubatan tidak termasuk dalam kategori ini.

3.2 barang gunaan daripada tulang, kulit dan bulu

Penggunaan tulang, kulit dan bulu haiwan sama ada secara keseluruhan atau sebagai bahan campuran kepada barang gunaan.

3.3 barang gunaan daripada tulang, kulit dan bulu yang halal

Barang gunaan dan/atau komponennya yang dibenarkan oleh hukum Syarak dan menepati syarat-syarat berikut:

a) tidak mengandungi apa-apa bahan daripada anjing, babi, keturunan dan terbitannya;

b) tidak mengandungi najis mengikut hukum Syarak;

c) selamat digunakan dan tidak memudaratkan kesihatan;

d) tidak diproses atau dikilang menggunakan peralatan atau bahan yang dicemari najis mengikut hukum Syarak;

e) tidak mengandungi mana-mana bahagian atau anggota manusia atau hasilan daripadanya yang tidak dibenarkan oleh hukum Syarak; dan

f) semasa penyediaan, pemprosesan, pembungkusan, penyimpanan atau pengangkutan, barangan tersebut diasingkan daripada barang gunaan lain yang tidak menepati keperluan dalam butiran a), b), c), d) atau e) di atas atau bahan-bahan lain yang telah disahkan sebagai najis mengikut hukum Syarak.

3.4 *dibagh* atau samak

Menyucikan kulit haiwan selain daripada kulit anjing, babi dan keturunan dan terbitannyanya bagi tujuan menjadikan barang gunaan kulit yang halal mengikut hukum Syarak.

3.5 halal

Perkara yang dibenarkan oleh hukum syarak dan tidak akan dikenakan azab bagi orang yang melakukannya.

3.6 hukum Syarak

3.6.1 Hukum Syarak ialah perintah Allah yang berkait dengan perbuatan orang dipertanggungjawabkan atau *mukallaf* secara tuntutan, pilihan atau *al wadh'u*[1].

3.6.2 Berdasarkan kepada perundangan Malaysia, hukum Syarak bermakna undang-undang Islam dalam Mazhab Shafie atau undang-undang Islam dalam mana-mana satu Mazhab sama ada Maliki, Hambali dan Hanafi atau fatwa yang disahkan oleh pihak yang berkuasa mengenai Agama Islam.

3.7 najis

3.7.1 Najis menurut hukum Syarak adalah:

a) anjing, babi, keturunan dan terbitannya;

b) haiwan atau bahan yang dicemari oleh benda yang tidak halal;

c) haiwan atau bahan yang bersentuhan dengan benda yang tidak halal;

d) sebarang cecair atau objek yang keluar dari rongga manusia atau haiwan;

NOTA:

1. Contohnya air kencing, darah, muntah, nanah, uri dan tahi.

2. Susu, sperma dan ovum manusia dan haiwan, kecuali anjing dan babi adalah tidak najis.

e) bangkai haiwan atau haiwan halal yang tidak disembelih mengikut hukum Syarak; dan

NOTA. Kulit bangkai haiwan atau haiwan halal yang tidak disembelih mengikut hukum Syarak adalah halal digunakan setelah disucikan melalui kaedah *dibagh* atau samak (rujuk lampiran A).

f) arak atau minuman atau makanan yang dicampurkan dengan arak.

---

[1] *Al wadh'u* adalah menjadikan sesuatu sebagai syarat untuk melaksanakan hukum syarak yang lain seperti penggunaan kulit haiwan yang tidak halal kecuali anjing, babi, keturunan dan terbitannya, perlulah didibagh terlebih dahulu.

3.7.2 Terdapat tiga jenis najis:

a) *mughallazah* adalah najis berat iaitu anjing dan babi (khinzir) termasuk sebarang cecair atau objek yang keluar daripada rongga anjing dan babi (khinzir), keturunan dan terbitannya;

NOTA. Contoh, kasut atau bag tangan kulit yang diperbuat daripada kulit babi.

b) *mukhaffafah* adalah najis ringan hanyalah air kencing bayi lelaki berusia dua tahun dan ke bawah yang tidak mengambil apa-apa makanan lain kecuali susu ibu sahaja; dan

c) *mutawassitah* adalah najis pertengahan yang tidak termasuk di dalam kategori najis berat atau najis ringan seperti muntah, nanah, darah, arak, bangkai, cecair dan objek yang keluar daripada rongga dan sebagainya.

3.8 sertu

Menyucikan mana-mana tempat atau bahagian yang terkena najis mughallazah dengan air bercampur tanah sekali dan air mutlak enam kali.

3.9 tulang, kulit dan bulu

3.9.1 tulang

Rangka yang bersifat padat, separa keras dan poros yang membentuk bahagian utama di dalam kebanyakan haiwan vertebrata. Ia mengandungi matrik organik yang padat and komponen mineral bukan organik.

Tulang termasuk tanduk, gigi, kuku dan paruh. Bagi tanduk, ia termasuk gading dan sumbu.

3.9.2 kulit

Bahagian paling luar dan merupakan organ terbesar tubuh. Bertindak sebagai pelindung terhadap jangkitan mikroorganisma dan membantu melindungi tisu badan daripada mengalami kecederaan mekanikal dan kecederaan lain. Kulit terdiri daripada lapisan luar, epidermis dan dermis.

3.9.3 bulu

Secara umum, bulu adalah sekumpulan atau sekelompok filamen yang tumbuh dari kulit haiwan dan meliputi bahagian kepala atau mana-mana bahagian badan. Terdapat pelbagai jenis bulu yang berdasarkan jenis haiwan, di antaranya;

3.9.3.1 bulu burung (*feather*)

Struktur tahan air yang ringan yang membentuk dan meliputi luaran burung.

3.9.3.2 bulu (*wool atau fur*)

3.9.3.2.1 bulu (*wool*)

Serat yang berasal daripada rambut haiwan peliharaan biasanya biri-biri.

3.9.3.2.2 bulu (*fur*)

Rambut lembut yang menutupi tubuh kebanyakan mamalia.

3.9.3.3 surai (*horse hair*)

Rambut yang diambil daripada surai atau ekor kuda.

4 Keperluan

4.1 Tanggungjawab pengurusan

4.1.1 Pihak pengurusan hendaklah melantik pegawai eksekutif halal yang beragama Islam atau mewujudkan sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada orang Islam yang bertanggungjawab memastikan keberkesanan pelaksanaan sistem kawalan halal dalaman.

4.1.2 Pihak pengurusan hendaklah memastikan mereka diberi latihan mengenai prinsip-prinsip halal dan aplikasinya.

4.1.3 Pihak pengurusan hendaklah memastikan sumber-sumber (i.e. tenaga kerja manusia, kemudahan, kewangan dan infrastruktur) yang mencukupi disediakan bagi melaksanakan sistem kawalan halal.

4.2 Tulang, kulit dan bulu haiwan yang boleh dan tidak boleh digunakan

4.2.1 Tulang

4.2.1.1 Tulang haiwan yang boleh digunakan;

a) Tulang haiwan halal dimakan yang telah disembelih mengikut hukum Syarak; dan

b) Tulang haiwan akuatik yang halal dimakan.

4.2.1.2 Tulang haiwan yang tidak boleh digunakan;

a) Tulang haiwan halal yang diambil semasa hidup adalah najis dan tidak halal digunakan.

b) Tulang dari bangkai haiwan halal adalah najis dan tidak halal digunakan.

c) Tulang haiwan yang haram dimakan, sama ada diambil semasa hidup atau setelah mati, adalah najis dan tidak halal digunakan.

4.2.2 Kulit

4.2.2.1 Kulit haiwan yang boleh digunakan

a) Kulit haiwan halal dimakan yang telah disembelih mengikut hukum Syarak setelah menjalani kaedah *dibagh* (Lampiran A);

b) Kulit haiwan darat yang halal dimakan tetapi tidak disembelih mengikut hukum Syarak setelah menjalani kaedah *dibagh* (Lampiran A); dan

c) Kulit haiwan tidak halal, kecuali kulit anjing, babi dan keturunan dan terbitannyanya, setelah menjalani kaedah *dibagh* (Lampiran A).

4.2.2.2 Kulit haiwan yang tidak boleh digunakan

a) Kulit anjing, babi, keturunan dan terbitannya.

4.2.3 Bulu

4.2.3.1 Bulu haiwan yang boleh digunakan

a) Bulu haiwan halal dimakan yang disembelih mengikut hukum Syarak; dan

b) Bulu haiwan halal dimakan yang diambil semasa hidup.

4.2.3.2 Bulu haiwan yang tidak boleh digunakan

a) Bulu haiwan tidak halal dimakan yang diambil semasa hidup atau setelah mati adalah najis dan tidak halal digunakan; dan

b) Bulu haiwan halal dimakan, yang mati bukan disembelih mengikut hukum Syarak, adalah najis dan tidak halal digunakan.

4.3 Premis

4.3.1 Premis hendaklah hanya digunakan untuk memproses tulang, kulit dan bulu haiwan yang dinyatakan di dalam 4.2.

4.3.2 Premis hendaklah diasingkan dan dipisahkan secara berkesan dari ladang ternakan babi atau premis pemprosesannya agar dapat menghindar daripada kontaminasi silang.

4.3.3 Binatang peliharaan dan binatang-binatang lain hendaklah dilarang memasuki premis.

4.4 Peralatan, perkakas, mesin dan bahan bantuan pemprosesan

4.4.1 Peralatan, perkakas dan mesin

Peralatan, perkakas dan mesin yang digunakan untuk memproses tulang, kulit dan bulu serta barang gunaan halal yang diperbuat daripadanya hendaklah direkabentuk dan dibina untuk memudahkan proses pembersihan dan hendaklah tidak dibuat daripada atau tidak mengandungi sebarang bahan yang telah disahkan sebagai najis oleh hukum Syarak dan hendaklah digunakan bagi barang gunaan halal sahaja.

Peralatan, perkakas dan mesin yang pernah digunakan atau bersentuhan dengan najis *mughallazah,* hendaklah disertu mengikut hukum Syarak (lihat Lampiran B).

4.4.2 Bahan bantuan pemprosesan

Bahan bantuan pemprosesan yang digunakan untuk memproses tulang, kulit dan bulu serta barang gunaan halal yang diperbuat daripadanya dan yang digunakan untuk memudahkan proses pembersihan dan hendaklah tidak dibuat daripada atau tidak mengandungi sebarang bahan yang telah disahkan sebagai najis oleh hukum Syarak dan hendaklah digunakan bagi barang gunaan halal sahaja.

4.4.3 Dalam kes penukaran aliran pemprosesan (*processing lines*) yang melibatkan najis *mughallazah* ke aliran pemprosesan barang gunaan halal, aliran tersebut hendaklah disertu mengikut hukum Syarak (lihat Lampiran B). Prosedur ini hendaklah diselia dan disahkan oleh pihak berkuasa bertauliah. Aliran yang telah ditukarkan hendaklah beroperasi hanya untuk pengeluaran barang gunaan halal pada setiap masa. Ulangan penukaran aliran tadi ke aliran yang melibatkan najis *mughallazah* dan kemudian berbalik semula ke aliran halal, adalah tidak dibenarkan sama sekali.

4.5 Kebersihan dan keselamatan

4.5.1 Kebersihan adalah meliputi aspek kebersihan diri, pakaian, peralatan dan premis pemprosesan barang gunaan.

4.5.2 Pengusaha hendaklah mengambil langkah untuk:

a) memeriksa dan membahagi bahan mentah, komponen tambahan dan bahan pembungkus sebelum pemprosesan;

b) menguruskan sisa buangan secara berkesan;

c) menyimpan bahan-bahan kimia berbahaya ditempat yang bersesuaian dan barangan daripada barang gunaan; dan

d) mengelakkan pencemaran oleh bahan-bahan asing seperti plastik, kaca atau serpihan logam daripada mesin, habuk, gas atau wasap merbahaya dan bahan kimia yang tidak diperlukan;

4.5.3 Produk tersebut hendaklah diproses, dibungkus dan disimpan dalam keadaan bersih dalam premis yang berlesen sejajar dengan amalan kebersihan yang baik (GHP) dan/atau amalan pengilangan yang baik (GMP).

4.6 Pra-pemprosesan

Tulang, kulit dan bulu haiwan hendaklah menjalani proses penyucian sebelum digunakan sebagai bahan untuk penghasilan barang gunaan. Proses penyucian bagi kulit hendaklah melalui kaedah *dibagh* (Lampiran A). Contoh carta alir industri pengolahan kulit haiwan yang melalui kaedah *dibagh* atau samak seperti di Rajah 1.

Proses penyucian bagi tulang dan bulu perlu melalui proses pembersihan yang bersesuaian dan tidak melanggar hukum Syarak.

Tulang, kulit dan bulu haiwan yang belum disucikan hendaklah disimpan di tempat penyimpanan yang berasingan daripada tulang, kulit dan bulu haiwan yang telah disucikan.

4.7 Pemprosesan, pengendalian dan penyimpanan

Pemprosesan, pengendalian dan penyimpanan hendaklah menepati syarat-syarat berikut:

a) barang gunaan yang diproses hendaklah tidak mengandungi bahagian haiwan atau produk yang tidak halal digunakan mengikut hukum Syarak;

b) barang gunaan yang diproses hendaklah tidak mengandungi najis;

c) barang gunaan atau komponennya yang diproses hendaklah selamat digunakan dan tidak memudaratkan kesihatan;

d) barang gunaan tersebut disedia, diproses dan dikilang menggunakan bahan-bahan, peralatan dan kemudahan yang bebas daripada dicemari oleh najis; dan

e) semasa penyediaan, pemprosesan, pembungkusan, dan penyimpanan ia hendaklah diasingkan sepenuhnya daripada barang gunaan yang tidak menepati syarat-syarat yang dinyatakan dalam butiran a), b), c) dan/atau d) atau segala apa perkara yang disahkan sebagai najis oleh hukum Syarak.

4.8 Pembungkusan dan pelabelan


4.8.1 Barang gunaan daripada tulang, kulit dan bulu yang halal hendaklah dibungkus dengan bahan pembungkus yang mematuhi syarat-syarat berikut.

a) tidak diperbuat daripada sebarang bahan mentah yang disahkan sebagai najis oleh hukum Syarak;

b) ia tidak disedia, diproses atau dikilang menggunakan peralatan yang dicemari oleh bahan yang disahkan sebagai najis oleh hukum Syarak;

c) semasa penyediaan, pemprosesan, penyimpanan dan pengangkutan bahan pembungkus, ia hendaklah diasingkan secara fizikal daripada bahan lain yang tidak mematuhi keperluan yang dinyatakan dalam butiran a) atau b) di atas atau mana-mana perkara yang disahkan sebagai najis oleh hukum Syarak; dan

d) tidak mengandungi bahan mentah yang memudaratkan kesihatan.



Rajah 1. Carta proses pengolahan kulit yang melalui proses *dibagh*

4.8.2 Proses pembungkusan serta pelabelan hendaklah dikendalikan secara bersih dan dengan keadaan sanitasi yang sempurna.

4.8.3 Bahan pelabelan yang digunakan secara bersentuhan terus dengan produk hendaklah tidak berbahaya dan halal.

4.8.4 Setiap bungkusan hendaklah ditanda dengan terang dan jelas serta tidak mudah dipadamkan atau label dilekatkan pada bungkusan tersebut.

4.8.5 Rekabentuk bungkusan, lambang, simbol, logo, nama dan gambar yang mengelirukan dan/atau bercanggah dengan hukum syarak tidak dibenarkan.

4.9 Produk akhir

Barang gunaan yang dihasilkan daripada tulang, kuku dan bulu haiwan hendaklah bukan dalam bentuk yang boleh diiktirafkan sebagai bercanggah dengan akidah Islam dan digunakan untuk tujuan yang bertentangan dengan hukum Syarak.

4.10 Keperluan perundangan

Pengeluaran barang gunaan tersebut di dalam aspek-aspek lain, hendaklah mematuhi undang-undang termasuk sebarang peraturan yang berkenaan yang berkuatkuasa di Malaysia.

4.11 Pengiklanan dan promosi

Pengiklanan dan promosi hendaklah tidak melanggar prinsip-prinsip hukum Syarak serta tidak menonjolkan unsur-unsur tidak sopan yang bertentangan dengan hukum Syarak.

5 Pematuhan

Sesuatu barang gunaan dikira mematuhi keperluan garis panduan ini sekiranya ia mematuhi perkara 4 garis panduan ini. Ia hendaklah disahkan melalui pemeriksaan dokumen dan premis atau tapak sekiranya difikirkan perlu oleh pihak berkuasa bertauliah.

6 Sijil halal

Sijil halal hendaklah dikeluarkan oleh pihak berkuasa bertauliah di Malaysia

7 Tanda pensijilan halal

Setiap produk, dengan kelulusan pihak yang diberi kuasa di Malaysia, boleh ditanda dengan tanda pensijilan halal pihak berkuasa berkenaan dengan syarat produk tersebut memenuhi segala keperluan garis panduan standard ini.

Lampiran A
(normatif)

Kaedah *dibagh* atau samak kulit binatang

A1 Cara menyucikan kulit binatang yang najis ataupun bangkai yang selain kulit anjing, babi, keturunan dan terbitannya adalah dengan menghilangkan segala lendir, daging dan kelembapan yang melekat pada kulit.

A2 Semua kotoran dan najis yang terlekat pada kulit mestilah dihilangkan. Sesuatu yang ada pada kulit bangkai seperti bulu tidak akan menjadi suci sekalipun telah melalui kaedah dibagh. Oleh itu bulu hendaklah dibuang daripada kulit tersebut.

A3 Bahan yang digunakan hendaklah sesuatu yang boleh menghilangkan lendir, daging dan kelembapan yang melekat pada kulit. Contoh bahan yang boleh digunakan adalah daripada tumbuhan seperti daun akasia (*qaraz*), manjakani (*'afs*) dan kulit delima (*qusyur ar-rumman*), bahan kimia seperti tawas (*al-syabbu*) dan seumpamanya.

A4 Kulit yang telah melalui kaedah dibagh perlu dibasuhkan dengan air mutlak untuk menghilangkan najis.

A5 Tidak sah kaedah dibagh dengan hanya menjemur kulit binatang itu di bawah cahaya matahari, melumurnya dengan tanah, membekukan dan memasinkannya.

Lampiran B
(normatif)

Kaedah sertu najis *mughallazah* berdasarkan hukum Syarak

B1 Peraturan umum

Bagi membersihkan najis *mughallazah*, sama ada nyata[2] atau tidak nyata[3], kaedah berikut hendaklah dipatuhi:

a) hendaklah membasuh tujuh kali, satu daripadanya dengan air yang dicampur dengan tanah;

b) basuhan yang pertama adalah untuk menghilangkan kewujudan najis, walaupun beberapa basuhan diperlukan. Mesti dipastikan tiada tinggalan air daripada air basuhan pertama dan basuhan seterusnya hendaklah dikira sebagai basuhan kedua;

c) tanah yang digunakan hanya setakat cukup untuk menjadikan keladak (*suspension*); dan

d) penggunaan bahan yang mempunyai kandungan tanah adalah dibenarkan.

NOTA. Kaedah sertu ini boleh dijalankan melalui bilasan atau semburan.

B2 Keadaan tanah

Keadaan tanah yang digunakan adalah:

a) bebas daripada najis;

b) bebas daripada bahan-bahan yang tidak suci atau tercemar oleh bahan asing seperti minyak; dan

c) bukan tanah *musta'mal*, (iaitu yang telah digunakan untuk tayammum) kecuali setelah hujan lebat.

B3 Keadaan air

Keadaan air yang digunakan adalah:

a) mutlaq;

---

[2] Najis nyata (*'ainiyah)* ialah najis yang wujud dalam fizikal yang boleh dilihat dan disentuh

[3] Najis tidak nyata (*hukmiyah*) ialah najis tidak kelihatan kerana telah hilang bentuk fizikal, telah kering atau sebagainya.

b) bukan air *musta'mal*; dan

NOTA. Air *musta'mal* adalah air yang kurang daripada dua kolah (anggaran 192 L) yang telah digunakan untuk bersuci.

c) bebas daripada najis.

Bibliografi

[1] Garis Panduan Penggunaan Tulang, Tanduk, Gigi dan Kuku untuk Dijadikan Barangan Gunaan dan Perhiasan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, kertas JKF bil. 12/80/2008

[2] Garis Panduan Penggunaan Kulit dan Bulu untuk Dijadikan Pakaian atau Barangan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, kertas JKF bil. 11/80/2008

Penghargaan

Ahli Jawatankuasa Teknikal mengenai Makanan Halal dan Barang Gunaan Islam

Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz (Pengerusi)	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Puan Zainorni Mohd Janis (Setiausaha)	SIRIM Berhad
Puan Seri Azalina Mohd Ghazali	Halal Industry Development Corporation Sdn Bhd
Puan Norkumala Awang	Institut Kefahaman Islam Malaysia
Dr Mohamed Shafit Hussain	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
Puan Saimah Mukhtar/ Puan Hakimah Mohd Yussof	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Bahagian Halal Hab)
Puan Norhalina Othman/ Puan Fatimah Saad	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Bahagian Penyelidikan)
Encik Mohd Noor Noordin/ Puan Khazlita Adzim Abdol Aziz	Jabatan Perikanan Malaysia
Dr Muhmad Kamarulzaman Muhmad Sarif/ Dr Mohamad Razli Abdul Razak	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Puan Khairul Muna Kamaruddin/ Puan Diana Jamaludin	Jabatan Pertanian Malaysia
Encik Faizul Ibrahim	Kastam Diraja Malaysia
Puan Faridah Malik Shaari	Kementerian Kesihatan Malaysia
Puan Aminah Ahmad/ Encik Mohamad Fikri Omar	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Encik Saifulbahri Abdul Kadir/ Encik Mohd Hamzah Hamadi	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
Encik Alias Mohd Yassin/ Puan Azura Azreen Yusof	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
Encik Sobri Haji Abdul Hamid/ Encik Noh Nik Wan	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
Encik Muhammad Hanif Al-Razin Ab. Kadir	Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
Encik Zulkefli Mohamad	Persatuan Pengguna Islam Malaysia
Encik Mohd Yusof Ab Rahman	Persatuan Pengguna-pengguna Standard Malaysia
Encik Othman Yusoff/ Puan Shahrila Ishak	Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia
Puan Nor Azlin M. Noor Arzmi	SIRIM QAS International Sdn Bhd (Seksyen Kimia dan Pengguna)
Prof Madya Dr Mohd Khan Ayub	Universiti Kebangsaan Malaysia
Prof Dr Yaakob Che Man	Universiti Putra Malaysia
Prof Madya Dr Zainal Samicho	Universiti Teknologi MARA

Penghargaan *(sambungan)*

Ahli Kumpulan Kerja mengenai Produk Konsumer Halal berasaskan Tulang, Kulit dan Bulu Haiwan

Puan Hakimah Mohd Yusoff (Pengerusi)	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Bahagian Halal Hab)
Puan Zainorni Mohd Janis (Setiausaha)	SIRIM Berhad
Dr Mohamed Shafit Hussain/ Puan Nur Baizura Sa'dom	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
Puan Wahida Norashikin Jamaruddin	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Bahagian Halal Hab)
Encik Mohd Noor Noordin	Jabatan Perikanan Malaysia
Dr Mohamad Razli Abdul Razak	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Encik Muhammad Hanif Al-Razin Ab. Kadir	Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
Dr Mohd Radzi Mohd Toff	SIRIM Berhad (Pusat Penyelidikan Bahan Termaju)
Prof Madya Dr Shuhaimi Mustafa	Universiti Putra Malaysia
Prof Madya Dr Zainal Samicho	Universiti Teknologi MARA

Ahli ambilan

Encik Zainudin Zakaria	Cosmopal Sdn Bhd